

AMANAT TAHUN BARU 2016

**OLEH YBHG. DATUK DR. GHAZALI BIN OTHMAN,
PENGARAH KESIHATAN NEGERI MELAKA**

TARIKH:

13 JANUARI 2016 (RABU)

MASA:

8.00 PAGI

TEMPAT:

**AUDITORIUM RUMAH MEDIA
MELAKA, MITC AYER KEROH**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan Salam Melaka Maju,
Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 754
tahun.

Terima kasih diucapkan kepada Saudari Pengerusi Majlis;

1. Yang Berusaha Timbalan-Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri, Yang Dihormati Pengarah - pengarah Hospital, Pegawai-pegawai Kesihatan Daerah, Ketua-Ketua Jabatan Hospital Melaka, Pegawai-Pegawai Pergigian Daerah, Pakar-Pakar Perubatan, Pegawai-pegawai Perubatan seterusnya warga kerja Jabatan Kesihatan Negeri Melaka yang saya kasihi sekalian.

2. Terlebih dahulu izinkan saya untuk mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua warga kerja Jabatan Kesihatan Negeri Melaka. Sepanjang tahun 2015, pelbagai cabaran dan peristiwa suka duka di tahun 2015 telah kita harungi dengan keazaman dan kecekalan hati. Peristiwa dan cabaran perlu dijadikan iktibar bagi membantu kita mengharungi tahun baru ini. Saya berharap semoga tahun baru ini dapat menyuntik azam baru kepada kita semua untuk memberikan khidmat bakti dengan lebih bersemangat agar kualiti perkhidmatan yang diberikan pada tahun ini lebih baik dari tahun-tahun sebelumnya.

3. Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pegawai dan kakitangan di Jabatan Kesihatan Negeri Melaka atas segala khidmat bakti, komitmen padu dan sumbangan yang diberikan

dalam memastikan setiap program dan aktiviti yang telah dirancang dilaksanakan dengan sempurna dan jayanya.

4. Walaupun kita sudah berikan perkhidmatan yang baik, kita juga perlu mengakui masih ada kelemahan dan kekurangan yang perlu diperbaiki. *“We may not doing the right thing despite working hard.”*

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian,

5. Untuk tahun 2016 ini, Kementerian Kesihatan telah diluluskan peruntukan sebanyak **RM23.0 bilion** (8.6% daripada Bajet Persekutuan, RM267.2 bilion), dimana **RM21.4 bilion** adalah di bawah **Belanja Mengurus** dan baki **RM1.6 bilion** lagi dibawah **Belanja Pembangunan** iaitu penurunan sebanyak 1.2% berbanding tahun sebelumnya.

6. Manakala batas perbelanjaan yang telah ditetapkan kepada Jabatan Kesihatan Negeri Melaka oleh Kementerian adalah sebanyak **RM507 juta** iaitu penurunan sebanyak **4.01%** berbanding tahun sebelumnya (**RM69.6 juta**) Secara keseluruhannya, prestasi perbelanjaan Jabatan Kesihatan Negeri Melaka bagi tahun 2015 untuk **Belanja Mengurus** adalah **97.66%** iaitu **RM680 juta** telah dibelanjakan berbanding peruntukan berjumlah **RM696.3 juta**. Manakala, bagi **Belanja Pembangunan** pula **prestasi perbelanjaan** adalah **96.73%**

iaitu **RM11,836,630.80** telah dibelanjakan berbanding peruntukan berjumlah **RM12,236,772.57**.

7. Dengan mengambil kira kekangan peruntukan dan sumber yang terhad semua Ketua Jabatan hendaklah menyusun semula keutamaan program mengikut halatuju Kementerian selaras dengan objektif RMKe-11 di samping mengoptimumkan perbelanjaan, mengelakkan pembaziran dan meningkatkan kecekapan untuk mencapai *outcome* yang telah ditetapkan oleh Kementerian.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

8. Seperti yang kita semua sedia maklum, pada 21 Mei 2015 YAB Perdana Menteri telah membentangkan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) yang bertemakan '**Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat**'. RMKe-11 adalah unik dari segi fokusnya **kepada pembangunan ekonomi berteraskan rakyat dan ekonomi berasaskan modal**. Ekonomi berteraskan rakyat ini adalah penting kerana dalam keghairahan kita untuk mencapai taraf negara maju berpendapatan tinggi, kita perlu memastikan bahawa pertumbuhan ekonomi dan kekayaan negara perlu diagihkan untuk dinikmati oleh rakyat iaitu menerusi sumber kewangan secara langsung atau penyampaian perkhidmatan awam yang lebih efisien.

9. Bagi sektor kesihatan, perancangan yang dibuat adalah sejajar dengan **Pelan Transformasi Perkhidmatan Kesihatan** di bawah teras strategik kedua RMKe-11 iaitu Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat dimana 4 strategi dikenalpasti iaitu:

- (a) **Pertama:** Meningkatkan sokongan yang bersasar khususnya bagi masyarakat yang kurang mendapat akses kepada perkhidmatan kesihatan;
- (b) **Kedua:** Menambahbaik sistem penyampaian untuk *outcome* kesihatan yang lebih baik;
- (c) **Ketiga:** Memperluas kapasiti bagi meningkatkan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan; dan
- (d) **Keempat:** Mempertingkatkan kerjasama antara sector awam, swasta dan NGO untuk meningkatkan kesedaran kesihatan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

10. Bagi strategi pertama, Kementerian Kesihatan akan terus memberi penekanan utama terhadap pengukuhan perkhidmatan penjagaan Kesihatan primer. Perkhidmatan Perawatan Domisiliari (PPD) akan dilaksanakan bagi memenuhi keperluan

pesakit yang memerlukan jagaan kejururawatan jangka panjang selepas dibenarkan keluar awal daripada hospital. Pelaksanaan PPD akan terus diperluaskan secara berperingkat untuk tempoh 5 tahun akan datang.

11. Pengukuhan perkhidmatan penyakit kronik NCD di peringkat Kesihatan primer akan dilaksanakan melalui konsep Doktor Keluarga. Melalui konsep Doktor Keluarga, setiap keluarga akan dibahagikan mengikut zon di bawah jagaan seorang pegawai perubatan dan satu pasukan Kesihatan primer khusus (pelbagai disiplin) dengan mengunapakai pendekatan *personalised care*. Manakala konsep Doktor Keluarga telah mula dilaksanakan di Negeri Melaka di tiga (3) buah Klinik Kesihatan iaitu Klinik Kesihatan Seri Tanjung, Klinik Kesihatan Durian Tunggal dan Klinik Kesihatan Merlimau. Bagi tahun 2016 ini, konsep Doktor Keluarga ini akan diperluaskan ke Klinik-Klinik Kesihatan di Negeri Melaka.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

12. Di bawah strategi kedua, Kementerian Kesihatan akan melaksanakan konsep hospital kluster bagi memastikan semua lapisan masyarakat mendapat perkhidmatan kepakaran tanpa perlu mengunjungi Hospital-Hospital Berpakar. Bagi Negeri Melaka ketiga-tiga buah hospital di Negeri ini telah dipilih

sebagai Projek Rintis Hospital Kluster Melaka yang telah bermula pada April 2014 dan telah menunjukkan pencapaian yang memberansangkan iaitu:

- (i) Peningkatan *Bed Occupancy Rate* (BOR) di *non lead* hospital iaitu Hospital Alor Gajah dan Hospital Jasin;
- (ii) Peningkatan kedatangan pesakit ke Klinik Pakar di *non lead* hospital dengan 500 pesakit di Hospital Alor Gajah dan 800 pesakit di Hospital Jasin. Hal ini sekaligus, dapat mengurangkan kesesakan di Hospital Melaka;
- (iii) Dengan berfungsinya Dewan Bedah ke 2 Hospital Jasin dapat meningkatkan kes pembedahan ortopedik dan pembedahan plastic yang tidak kompleks dengan peningkatan daripada 40 kes kepada 50 kes; dan
- (iv) Memendekkan masa menunggu bagi kes-kes AVF kepada purata 14 minggu. Malah pencapaian telah dapat ditingkatkan kepada purata 44 minggu waktu menunggu.

13. Di samping itu, inisiatif pengurusan kejut (*Lean Management*) juga akan dilaksanakan di kemudahan kesihatan bagi meningkatkan kecekapan dan mengoptimumkan

penggunaan sumber. Dalam perkara ini, Hospital Melaka telah terpilih antara 16 buah hospital di seluruh negara untuk menjalankan aktiviti *Lean Healthcare* dan telah menduduki tangga yang kelima di antara 8 buah hospital yang mendapat pengiktirafan A bagi projek *Lean Healthcare* ini. Pelaksanaan inisiatif ini telah berjaya meningkatkan aliran rawatan (*patient flow*) dan juga keupayaan menerima pesakit baru (*bed capacity*).

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

13. Bagi memperkukuhkan perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari (PT&TK), satu pelan tindakan yang merangkumi aspek Pembangunan, kawal selia dan kerjasama akan dibangunkan. Selain itu, Majlis PT&TK juga akan ditubuhkan bagi mengawal selia perkhidmatan PT&TK yang berkaitan termasuk pendaftaran pengamal PT&TK selaras dengan Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari.

14. Selain daripada itu, bagi mengurangkan penularan penyakit berjangkit dan penyakit tidak berjangkit pula, Pelan Strategik Denggi Kebangsaan akan dikaji semula dan program Komuniti Bebas Aedes dan Tuberkulosis (COMBAT) akan diperkukuhkan. Dalam perkara ini, inisiatif kawalan penyakit tidak berjangkit seperti Pelan Tindakan Alkohol Malaysia (PeTA), Pelan Strategik Kebangsaan untuk Penyakit Tidak

Berjangkit (NSP-NCD) dan Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia (NPANM) juga akan dikaji semula.

15. Dalam konteks ICT pula, KKM akan melaksanakan inisiatif transformasi ICT dengan mengintegrasikan sistem ICT sedia ada menjadi satu model sistem menyeluruh bagi membolehkan pertukaran dan perkongsian maklumat yang lancar. Satu datawarehouse berpusat akan dibangunkan secara berperingkat untuk mengumpul dan menyatukan data daripada semua penyedia penjagaan kesihatan bagi membolehkan sesuatu keputusan atau dasar dibuat secara *evidence-based*.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

16. Bagi memastikan anggota Kesihatan yang cekap dan berkemahiran adalah mencukupi, Kementerian Kesihatan akan membangunkan Pelan Induk Sumber Manusia untuk Kesihatan. Dasar yang berkaitan akan diteliti semula dan diperkemas bagi menangani isu kekurangan pakar dan personel berkemahiran tinggi. Selain itu, Kementerian Kesihatan juga akan mengkaji semula laluan kerjaya pegawai perubatan dan menambahbaik isentif sedia ada. Penambahbaikan terhadap model *housemen* juga akan dilaksanakan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

17. Dalam usaha untuk mempergiat kerjasama antara sektor awam, swasta dan NGO pula, program intervensi Kesihatan seperti Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN) akan diteruskan. Di bawah program KOSPEN, masyarakat akan dilatih sebagai ejen perubahan dalam mempromosi Kesihatan, mengendalikan pemeriksaan Kesihatan dan mengatur aktiviti intervensi. Bagi Negeri Melaka pencapaian KOSPEN sehingga minggu epid ke 52 adalah sebanyak 11,081 (10.30%) penduduk telah disaring daripada jumlah penduduk seramai 107,534 orang di 140 buah lokaliti.

18. Selain daripada itu, Inisiatif bebas asap rokok seperti Bandar Bebas Asap Rokok (*Smoke-Free City*) dan Kempen Riben Biru akan melibatkan penyertaan ramai anggota masyarakat untuk mengalakkan persekitaran bebas asap rokok dan melindungi orang ramai daripada bahaya penggunaan tembakau. Program *My Body is Fit and Fabulous (MyBFF)* iaitu program Kesihatan yang mensasarkan kanak-kanak dan remaja pula akan diperluas. Program ini akan melibatkan kerjasama antara Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran, Persatuan ibu bapa dan Guru serta pengusaha kantin sekolah.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

19. Tahun 2015 adalah merupakan tahun kebangkitan bagi Bahagian Perkhidmatan Farmasi Melaka sekaligus membuktikan bahawa usaha keras serta komitmen yang berterusan telah membuahkan hasil yang diimpikan. Antara lima (5) anugerah yang berjaya dirangkul sempena Konvensyen Inovasi dan Kreativiti Farmasi peringkat Kebangsaan pada bulan Ogos adalah:

- (i) Johan bagi Perkhidmatan Tambah Nilai Farmasi Peringkat Kebangsaan;
- (ii) Johan bagi Pembentangan QA poster;
- (iii) Naib Johan bagi Amalan Keselamatan Pengubatan (*Medical Safety*);
- (iv) Naib Johan bagi Pengurusan Stok di Kesihatan; dan
- (v) Tempat Ketiga bagi *Pharmacy Quick Guide*.

20. Seterusnya, pada tahun 2015 juga **Kumpulan Buskers Kenali Ubat Anda** telah mula diperkenalkan. Dengan penyampaian lagu-lagu yang dicipta khas untuk memberi kesedaran kepada masyarakat, pendekatan ini dilihat lebih santai dan dapat menarik minat pengunjung di sekitar Sungai Melaka, Dataran 1Malaysia (Klebang) dan Menara Taming Sari. Pada tahun 2016 ini, Bahagian Perkhidmatan Farmasi Melaka mencadangkan agar persembahan Buskers ini di bawa

menjelajah ke daerah Alor Gajah dan Jasin kerana sambutan yang diterima amat mengalakkan.

21. Selain daripada itu, pada tahun 2015 pelaksanaan projek ***Pharmacy Information System (PHIS)*** dan ***Clinic Pharmacy System (CPS)*** telah diperluaskan ke seluruh negara. Bagi Negeri Melaka, pelaksanaan projek ini telah dimulakan di Hospital Melaka, Hospital Alor Gajah, Hospital Jasin dan PKD Jasin dan telah berjaya 'go live'. Namun demikian, hanya 2 buah Klinik Kesihatan iaitu KK Merlimau dan KK Felda Bukit Senggeh tidak berjaya 'go live' berikutan masalah teknikal yang diluar kawalan pasukan projek. Oleh yang demikian, perancangan bagi tahun 2016 agar projek ini dapat dilaksanakan serta berjalan dengan lancar mengikut perancangan yang telah ditetapkan di PKD Alor Gajah dan PKD Melaka Tengah. Pelaksanaan projek ini akan dapat menjamin kesahihan dan integrity data farmasi serta autoriti terhadap kawalan perbelanjaan, rekod-rekod klinikal farmasi, kawalan inventori dan sebagainya.

22. Selain daripada menjalankan aktiviti-aktiviti kesedaran pengguna, tindakan penguatkuasaan juga gigih dilakukan oleh Cawangan Penguatkuasa Farmasi. Sepanjang tahun 2015, cawangan ini telah berjaya melakukan sebulan dan mensita ubat-ubatan tidak berdaftar dengan nilai rampasan mencecah

RM166,666.00 manakala jumlah denda yang dikenakan terhadap pesalah melalui tindakan mahkamah adalah sebanyak **RM77,500.00**. Dalam era globalisasi ini, lambakan ubat-ubatan yang diniagakan secara atas talian juga telah menjadi satu fenomena yang membimbangkan. Cawangan Penguatkuasa Farmasi telah menubuhkan satu **Unit Jenayah Siber (Cyber Crime Unit)** pada pertengahan tahun 2015. Tujuan penubuhan Unit Jenayah Siber ini adalah untuk menyaring ubat-ubatan yang ditawarkan di pelbagai laman web sama ada secara sah atau tidak. Maklumat risikan atas talian ini akan dikumpul dan diambil tindakan lanjut.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

23. Pada tahun 2015, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM), Jabatan Kesihatan Negeri Melaka telah berjaya mencapai sasaran iaitu 55 industri makanan di Negeri Melaka mendapat Persijilan MeSTI (Makanan Selamat Tanggungjawab Industri) yang merupakan KPI YB Menteri Kesihatan. Selain daripada itu juga, BKMM telah berjaya menjadi penganjur bersama *Safe Food 2015* pada 18 hingga 20 September 2015 di Angsana Johor Bahru Mall dengan tema "*Safe Food is Good Food*". Program ini diadakan bertujuan mewujudkan platform bagi pelbagai pihak berkepentingan dalam mempromosikan produk makanan selamat kepada pengguna.

24. Perancangan bagi aktiviti Keselamatan Dan Kualiti Makanan pada tahun ini adalah:

- (i) Pencapaian KPI peratus produk makanan yang dipantau dari segi keselamatan makanan mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985 memberi fokus kepada produk makanan tertentu yang lebih spesifik berdasarkan pendekatan *risk based* melibatkan 10 skop seperti bahan pengawet dalam sos (sos cili dan sos tomato), bahan pengawet dalam kicap, residu racun perosak dalam buah-buahan (mangga dan anggur), Residu dadah veterinar dalam ayam dan daging (daging ayam dan daging lembu);
- (ii) Operasi penguatkuasaan mesin jual air terhadap mesin jual air yang tidak memohon lesen atau tidak diluluskan lesen akan dijalankan berkuat kuasa 1 Januari 2016;
- (iii) Karnival Keselamatan Makanan akan diadakan pada bulan Mei 2016 bagi mempromosikan aktiviti keselamatan dan kualiti makanan kepada kumpulan sasar;
- (iv) Pertandingan Kantin Sekolah Bersih, Selamat dan Sihat Sekolah Rendah akan diadakan pada tahun 2016 melibatkan semua sekolah rendah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia; dan

- (v) Skop pelaksanaan program KENDIRI akan diperluaskan ke sekolah di bawah Majlis Agama Islam Melaka (MAIM).

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

25. Bagi memastikan kesinambungan penyampaian perkhidmatan awam tidak terjejas dan terus berada pada tahap yang cemerlang, Kerajaan telah mengambil tindakan untuk mengeluarkan pegawai yang berprestasi rendah daripada perkhidmatan awam dengan berkuat kuasanya **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2015** iaitu **Pelaksanaan Dasar Pemisah (*Exit Policy*)** yang telah pun berkuat kuasa pelaksanaannya berdasarkan pencapaian LNPT bagi tahun 2015. Pelaksanaan Dasar Pemisah ini adalah merujuk kepada pegawai yang berpenilaian prestasi pada tahap kurang daripada 60% atau pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator*) di bawah sasaran (*below target*) walaupun prestasi pada tahun-tahun sebelumnya mencapai lebih 60% atau KPI melepasi sasaran.

26. Penamatan perkhidmatan pegawai dalam kategori ini adalah dibuat setelah Kerajaan mengambil kira prestasi, kelakuan, nilai-nilai kebergunaan pegawai kepada perkhidmatan, kegagalan pegawai untuk memenuhi apa-apa

syarat perkhidmatan dan segala hal keadaan lain yang ditentukan oleh Kerajaan. Dalam melaksanakan dasar ini, pertimbangan perlu dibuat sama ada tindakan tatatertib lebih wajar diambil terlebih dahulu ke atas pegawai berdasarkan salah laku yang berbangkit. Pelaksanaan dasar pemisah ini akan dapat mengekalkan pegawai yang komited dan berprestasi tinggi bagi membolehkan Perkhidmatan Awam meningkatkan lagi daya saingnya dalam mendepani cabaran persekitaran masa kini dan akan datang selaras dengan matlamat mewujudkan Perkhidmatan Awam berprestasi tinggi.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

27. Secara keseluruhannya, saya ingin menyeru agar warga kerja Jabatan Kesihatan Negeri Melaka senantiasa peka terhadap ekspektasi rakyat dengan menambah baik penyampaian perkhidmatan yang berpaksikan kepada 3 nilai teras Budaya Korporat Kementerian Kesihatan iaitu Penyayang, Profesionalisme dan Kerja Berpasukan. Sesungguhnya, sistem kesihatan yang inovatif dan mapan juga mampu melahirkan rakyat yang sihat serta produktif dalam mencapai aspirasi negara maju menjelang 2020.

28. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya berharap agar semua warga Jabatan Kesihatan Negeri Melaka ini dapat

bersama-sama menanam azam dan komitmen sempena tahun baharu ini untuk menjayakan dan melaksanakan agenda transformasi yang dihasratkan. Walaupun pelbagai cabaran dan rintangan yang bakal kita hadapi, kita perlu kekal utuh bersatu dan bekerja sebagai pasukan dan bangga untuk berkhidmat untuk Negara. Semoga apa yang kita lakukan dengan keikhlasan akan mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T. dan membuahkan hasil yang dapat memberi manfaat kepada kepada semua.

29. Saya akhiri ucapan saya dengan lafaz Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh.

Sekian, terima kasih.